جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Panduan Hafl Al-Takharruj

2018

Meraikan masa anda di Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

#UniSSAGrad18

Congratulations on your graduation from the Sultan Sharif Ali Islamic University

Senarai Semak	2
Raptai Hafl Al-Takharruj	3
Etika Pakaian Dan Penampilan Untuk Menghadiri Hafl Al-Takharruj	4
Sebelum Hafl Al-Takharruj	6
Semasa Perarakan Masuk Kedewan	7
Semasa Hafl Al-Takharruj	8
Semasa Hafl Al-Takharruj	10
Hal-Hal Lain	11

1. Senarai Semak

1.1. Sebelum menghadiri Hafl al-Takharruj, semua bakal graduan hendaklah memastikan perkara-perkara berikut telah di ambil tindakan:

1.1.1. Telah menjelaskan bayaran-ayaran yang tertunggak semasa dalam pengajian di UNISSA seperti: Bayaran Pendaftaran Pengajian, Yuran Pengajian, Yuran Persatuan Pelajar atau Mana-mana bayaran yang dikenakan oleh UNISSA

1.2. Telah mengembalikan buku-buku yang dipinjam daripada perpustakaan UNISSA dan membayar denda yang dikenakan (jika berkenaan)

1.3. Jika bakal graduan gagal untuk melunaskan pembayaran yang tertunggak UNISSA boleh menghalang bakal graduan berkenaan dari mengikuti Hafl-al Takharruj dan sijil mereka akan di tahan sehinggalah mereka melunaskan pembayaran tertunggak tersebut.

1.4. Telah membeli/menyewa jubah akademik mengikut program pengajian masing masing dari UNISSA untuk menghadiri Hafl al-Takharruj sepertimana yang telah ditetapkan

2. Raptai Hafl Al-Takharruj

2.1. Semua bakal graduan adalah diwajibkan untuk menghadiri setiap sesi raptai Hafl al-Takharruj bagi membantu menjayakan majlis itu nanti.

2.2. Tarikh dan waktu bagi Raptai Hafl-al Takharruj akan ditetapkan oleh UNISSA dan akan dimaklumkan lebih awal kepada semua bakal graduan sebelum ianya dijalankan.

2.3. Semua bakal graduan hendaklah berpakaian dan berpenampilan kemas, sopan dan menutup aurat semasa menjadiri setiap sesi raptai Hafl al-Takharruj seperti berikut:

2.3.1. Bakal graduan lelaki TIDAK DIBENARKAN memakai seluar Jeans, Kemeja-T atau selipar

2.3.2. Bakal graduan lelaki HENDAKLAH berambut pendek

2.3.3. Bakal graduan perempuan HENDAKLAH memakai baju kurung yang sesuai (tidak ketat) dan betudung labuh.

2.3.4. Bakal graduan perempuan TIDAK DIBENARKAN memakai seluar, blouse atau selipar

2.3.5. Semua bakal graduan HENDAKLAH mengingati susunan tempat duduk masing-masing serta mengingati rakan yang duduk disebelah kanan dan kiri mereka.

3. Etika Pakaian Dan Penampilan Untuk Menghadiri Hafl Al-Takharruj

3.1. Setiap bakal graduan yang akan menerima ijazah/sijil mereka hendaklah memakai jubah akademik masing-masing sepertimana yang telah ditetapkan dan dibenarkan oleh UNISSA

3.2. Setiap bakal graduan hendaklah memastikan jubah masing-masing dalam keadaan kemas

3.3. Songkok/Tudung bakal graduan hendaklah mengikut songkok/tudung yang telah ditetapkan oleh UNISSA. Jika bakal graduan didapati menggunakan songkok/tudung selain yang telah ditetapkan, mereka boleh dihalang dari menyertai Haf al-Takharruj. Songkok/Tudung hendaklah dipakai mengikut tataacra pemakaian yang telah ditetapkan oleh UNISSA (Marshal akan menunjukkan cara pemakaian songkok/tudung yang betul

3.4. Bagi Bakal graduan lelakim, perkara-perkara berikut hendaklah diambil perhatian:

3.4.1. Hendaklah memakai baju cara melayu jenis 'cekak musang'

3.4.2. Tidak dibenarkan memakai bau cara Melayu jenis 'teluk belang', baju 'MIB', baju kemeja lengan panjang atau mana-mana jenis yang tidak formal

3.4.3. Memastikan butang baju (Stud) adalah lengkap dan sama

3.4.4. Pemakaian sinjang mestilah kemas (tidak tuck-out)

3.4.5. Hendaklah memakai kasut formal berwarna hitam yang menutupi bahagian hadapan hingga tumit kaki

3.4.6. Hendaklah memakai sarung kaki berwarna gelap yang tidak jarang

3.4.7. Kasut sukan, sandal, selipar atau mana-mana jenis yang tidak formal adalah tidak dibenarkan

3.4.8. Potongan rambut hendaklah pendek dan kemas serta tida melebihi kolar baju

3.4.9. Tidak dibenaran mewarnakan rambut.

3.5. Bagi bakal graduan perempuan, perkara-perkara berikut hendaklah diambil perhatian:

3.5.1. hendaklah memakai baju kurung yang sesuai (tidak ketat, nipis atau jarang)

3.5.2. Tidak dibenarkan memakai baju jenis kebaya, gaun, blaus, skirt, seluar panjang atau mana-mana jenis yang tidak formal

3.5.3. Tidak dibenarkan memakai Kain yang berbelah pada mana-mana bahagian termasuk kain fesyen 'duyung'.

3.5.4. Tidak memakai penutup muka 'niqab'

3.5.5. Hendaklah memakai kasut formal berwarna hitam yang menutup bahagian hadapan hingga ke tumit kaki

3.5.6. Hendaklah memakai sarung kaki berwarna gelap yang tidak jarang

3.5.7. Kasut sukan, sandal, selipar atau mana-mana jenis yang tidak formal adalah tidak dibenarkan

3.5.8. Tidak bersolek dengan belebihan

3.5.9. Kasut betumit tinggi yang melebihi 2 inci adalah tidak dibenarkan

Mana-mana bakal graduan yang tidak mematuhi etika pakaian dan penampilan yang telah ditetapkan akan DIHALANG dari menyertai Hafl al-Takharruj.

4. Sebelum Hafl Al-Takharruj

4.1. Sebelum Hafl-al Takharruj berlangsung semua bakal graduan hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

4.1.1. Semua bakal graduan diwajibkan untuk mehadirkan diri pada hari kemuncak seawal 7 30 pagi dan selewat-lewatnya jam 730 pagi. Ini bertujuan untuk memberi masa dan peluang kepada para bakal graduan untuk bersiap memakai jubah akademik masing-masing, di samping memberi masa untuk mengambil tindakan bersesuaian jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini

4.1.2. Semua bakal graduan hendaklah melaporkan diri kepada para marshal sebaik sahaja mereka tiba untuk catatatan kehadiran

4.1.3. Sekiranya bakal graduan menghadapi masalah untuk menghadirkan diri pada hari kemuncak pada masa yang telah ditetapkan, sila maklumkan dengan kadar segera kepada para marshal

4.1.4. Jika ada diantara bakal graduan datang lewat dari masa yang telah ditetapkan tanpa alasan kukuh dan munasabah, para marshal berhak untuk menghalang mereka dari menghadiri Hafl al-Takharruj

4.1.5. Semua bakal graduan dikehendaki untuk berkumpul dan bersiap di bilik persalinan yang dikhaskan (akan dimaklumkan semasa sesi raptai)

4.1.6. Semua bakal graduan adalah dinasihatkan untuk mengambil sarapan pagi sebelum majlis berlangsung untuk mengelakkan kesiahatan terjejas seperti mengalami pening, muntah dan pengsan

4.1.7. Para bakal graduan akan disusun dalam dua barisan iaitu sebuah barisan untuk bakal graduan lelaki dan sebuah barisan lagi untuk bakal graduan perempuan

4.1.8. Para bakal graduan akan mula berarak masuk ke dalam dewan pada jam 9.20 pagi

4.1.9. Semua bakal graduan hendaklah mengambil perhatian dan mematuhi arahan para marshal. Jika didapati mana-mana graduan tidak mematuhi arahan, marshal berhak untuk menghalang mereka dari menyetai Hafl al—Takharruj

5. Semasa Perarakan Masuk Kedewan

5.1. Semasa berarak untuk masuk ke dewan, semua bakal graduan hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

5.1.1. Tidak dibenarkan membawa beg tangan, beg duit, alat-alat kosmetik atau sebarang peralatan elekronik bersaiz besar seperti i-pad, tablet atau kamera DSLR. Barang-barang peribadi hendaklah ditinggalkan di bilik persalinan

5.1.2. Membawa telefon bimbit adalah dibenarkan atas sebab-sebab munasabah sahaja. Walaubahagimanapun, pernggunaannya adalah DITEGAH SAMA SEKALI bermula dari perarakan masuk kedewan sehingga acara selesai. Mod telefon bimbit hendaklah ditukar kepada silent dan hendaklah sentiasa disimpan didalam poket

5.1.3. Tidak dibenarkan menegur atau bersalaman bersama tetamu

5.1.4. Tidak dibenarkan berhenti untuk diambil gambar oleh mana-mana jurugambar atau mengambil gambar diri sendiri (selfie)

5.1.5. Tidak dibenarkan berbual bersama rakan-rakan di dalam barisan atau membuat bising

5.2. Semua bakal graduan hendaklah mengambil perhatian dan mematuhi arahan para marshal semasa perarakan masuk kedewan berlangsung.

6. Semasa Hafl Al-Takharruj

6.1. Semasa Hafl al-Takharruj berlangsung, semua bakal graduan hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

6.1.1. Tidak dibernarkan untuk meninggalkan tempat duduk masing-masing sepanjang Hafl al-Takharruj berlangsung

6.1.2. Tidak dibenarkan berbual bersama rakan-rakan didalam barisan atau membuat bising

6.1.3. Tidak dibenarkan makan, minum atau mengunyah gula-gula getah

6.1.4. Jika ada keperluan untuk meninggalkan tempat duduk, sila maklumkan terlebih dahulu kepada marshal yang terdekat

6.2. Semua bakal graduan hendaklah menjaga tatatertib sepanjang Hafl al-Takharruj berlangsung, terutama sekali semasa dalam perjalanan menaiki pentas untuk menerima ijazah/sijil masing-masing dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marahum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa`adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA

6.3. Semasa menerima ijazah/sijil masing-masing, semua bakal graduan adalah DITEGAH SAMA SEKALI untuk mengambil gambar secara selfie bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marahum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa`adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA

6.4. Selepas menerima ijazah/sijil, graduan tidak dibenarkan menghayunkannya keudara, atau bersalaman dengan VVIP yang ada dipentas, atau melambai-lambai jemputan semasa dalam perjalanan turun dari pentas

6.5. Para graduan tidak dibenarkan berhenti semasa menuruni tangga pentas untuk diambil gambar oleh ahli keluarga atau rakan-rakan

6.6. Para bakal graduan hendaklah terus kembali ke tempat duduk masing-masing selepas turun darin pentas dan tidak dibenarkan pergi ke tempat lain

6.7. Jika menghadapi sebarang masalah atau kesulitan semasa acara berlangsung, bakal graduan hendaklah memaklumkannya kepada marshal yang terdekat

6.8. Semua bakal graduan hendaklah mengambil perhatian dan mematuhi arahan para marshal sepanjang Hafl al-Takharruj berlangsung.

7. Selepas Hafl Al-Takharruj

7.1. Selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Perarakan Canselor berangkat meninggalkan dewan, semua graduan tidak dibenarkan keluar dari tempat duduk masing-masing

7.2. Setelah Perarakan Besar selesai meninggalkan dewan, Para graduan hendaklah bersiap sedia untuk sesi bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Duli Yang Teramat Mulia Pro-Canselor UNISSA. Para Marshal akan mengiringi para graduan untuk menuju ketempat bergambar yang telah dikhaskan

7.3. Para graduan hanya akan dibenarkan untuk berjumpa dengan ahli keluarga dan rakan-rakan setelah acara bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Duli Yang Teramat Mulia Pro-Canselor UNISSA selesai.

7.4. Setelah selesai acara bergambar ramai bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Duli yang Teramat Mulia Pro-Canselor UNISSA, Para graduan adalah dibenarkan untuk bergambar bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Duli Yang Teramat Mulia Pro-Canselor UNISSA, namun hendaklah menjaga tata tertib.

7.5. Graduan tidak dibenarkan untuk meminta tandatangan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Duli Yang Teramat Mulia Pro-Canselor UNISSA di atas sijil masing-masing

7.6. Graduan Perempuan tidak dibenarkan untuk bersalam dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Canselor UNISSA dan Duli yang Teramat Mulia Pro-Canselor UNISSA

8. Hal- Hal Lain

8.1. Bakal Graduan hendaklah memaklumkan ibu bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan yang akan menghadiri Hafl al-Takharruj itu nanti agar berpakaian kemas, sopan dan menutup aurat. Kegagalan mereka untuk mengikuti etika pakaian yang telah ditetapkan akan menyebabkan mereka dihalang memasuki dewan

8.2. Bakal graduan adalah dinasihatkan untuk tidak memakai barang-barang beharga seperti barang kemas atau membawa wang dalam jumlah yang banyak untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini seperti tercicir atau kecurian berlaku sebelum/semasa/selepas acara belangsung. Pihak UNISSA tidak akan betanggung jawap jika perkara tersebut berlaku

8.3. Pihak UNISSA behak untuk menambah serta meminda kandungan buku panduan ini tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada bakal graduan

8.4. Jika bakal graduan mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykillan berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan Hafl al-Takharruj, mereka bolehlah berhubung dengan mana-mana Urusetia Majlis yang bertugas.

Terima Kasih

Atas Kerjasama Baik

Yang Telah Diberikan

Semua Graduan di kehendaki

1. Mendaftar UNISSA **My Alumni dan** mengisi DENGAN **LENGKAP di ruang PROFILE**
   Untuk mendaftar sila layari **www.unissa.edu.bn/alumniportal** atau imbas kod QR

2. Mengisi **Graduate Feedback**
   Untuk mengisi Graduate Feedback, anda perlu log-in **My Alumni** akaun

Imbas disini

www.unissa.edu.bn/alumniportal

#UniSSAGrad18

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. BE1310
+673 2462000 | info@unissa.edu.bn | www.unissa.edu.bn